

Headline **Ujian genetik kenal pasti bakat anak**
Date **01 Dec 2009**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **12**
Article Size **132 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **609**
PRValue **1,828**



Ujian genetik kenal pasti bakat anak

KUALA LUMPUR - Ibu bapa kini boleh mengenal pasti bakat semula jadi anak-anak mereka melalui ujian genetik yang dapat memberikan keputusan tepat sehingga 98 peratus jika diuji pada usia kurang 12 tahun.

Menurut Pengerusi Genetic Center (M) Sdn. Bhd., Teng Chee Lay, selepas kebolehan dan keupayaan kanak-kanak ditentukan, ibu bapa dapat memberikan galakan dan

bimbingan sewajarnya kepada anak-anak bagi mengembangkan bakat tersebut.

"Prosedurnya mudah dan tidak menyakitkan kerana sampel yang diambil dari sebelah dalam pipi dan dihantar ke makmal pembekal teknologi Genetic Center iaitu Sha-

nghai Biochip Corporation di China untuk dianalisis dan pemetaan asid deoksiribonukleik (DNA).

"Berdasarkan ujian berkenaan, kebolehan dan keupayaan sebenar kanak-kanak dapat dikenal pasti dan keputusan boleh diperolehi dalam masa tiga minggu," katanya pada majlis pelancaran Genetic Center (M) Sdn. Bhd. oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Fadillah Yusof di sini semalam.

Turut hadir Pengarah Kementerian Industri dan Teknologi Maklumat China, Chen Yu Zhang.

Chee Lay turut memberitahu, ujian genetik melalui Genetic Center juga dapat mengesan lebih 100 jenis penyakit keturunan.

"Selepas keputusan ujian dikeluarkan, anda dapat mengambil langkah-langkah pencegahan awal seperti mengubah gaya pemakanan dan gaya hidup bagi mengurangkan potensi risiko.

"Selain itu, melalui ujian sampel di bawah pengawasan ketat, pe-

nyakit-penyakit berat seperti kanser, diabetes dan AIDS dapat ditemui," katanya.

Tambah beliau, kos ujian genetik kanak-kanak itu ialah RM2,200 manakala ujian penyakit keturunan ialah RM3,880.

Mereka yang berminat boleh berkunjung ke Genetic Center di Jalan Arfah 2, Medan Niaga Seri Kuching di sini atau menghubungi talian 03-62578289.